Re Lee Guan Par; ex p Hotel Universal Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — KEBANKRAPAN NO 29–743 TAHUN 2005
AHMADI ASNAWI PK
18 JUNE 2008

Kebankrapan — Amalan dan prosedur — Notis dan petisyen kebankrapan — Permohonan untuk mengetepikan — Sama ada boleh menghalang atau bertindak sebagai penghalang perbuatan kebankrapan

Kebankrapan — Pengetepian — Permohonan untuk mengetepikan petisyen pemiutang dan notis kebankrapan — Sama ada penghutang penghakiman memenuhi syarat yang ditetapkan — Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 kk 95, 94(1)(b) — Akta Kebankrapan 1967 s 3(1)(i)

Kebankrapan — Petisyen — Tafsiran 'within six months before the presentation of the petition' — Sama ada petisyen difailkan pramatang

Dalam kes ini pemiutang penghakiman telah memfailkan notis kebankrapan pada 5 Disember 2005. Notis kebankrapan ini telah diserahkan kepada penghutang penghakiman pada 23 Disember 2005. Penghutang penghakiman tidak memfailkan sebarang afidavit di bawah k 95 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah-Kaedah'). Maka dengan itu perbuatan kebankrapan telah dilakukan oleh penghutang penghakiman pada 31 Disember 2005. Pemiutang penghakiman seterusnya memfailkan petisyen pemiutang pada 8 Mac 2006. Selepas pemfailan petisyen pemiutang ini barulah penghutang penghakiman memfailkan dua saman dalam kamar ('lampiran 21') dan ('lampiran 23'). Lampiran 21 adalah permohonan untuk menolak notis kebankrapan manakala lampiran 23 adalah permohonan untuk menolak petisyen pemiutang. Kedua-dua lampiran 21 dan 23 telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar masing-masing pada 2 Februari 2007 dan 6 April 2007. Tidak ada sebarang rayuan difailkan terhadap kedua-dua keputusan/perintah ini. Seterusnya penolong kanan pendaftar telah mendengar petisyen pemiutang dan perintah penerimaan dan perintah penghukuman telah dibuat terhadap penghutang penghakiman pada 12 Jun 2007. Di atas perintah inilah rayuan ini telah dimasukkan (lampiran 30). Terdapat dua isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini iaitu: (i) sama ada perlindungan di bawah k 95(2) Kaedah-Kaedah terpakai kepada permohonan

di bawah k 18; dan (ii) sama ada petisyen pemiutang yang difailkan dalam tindakan kebankrapan ini adalah pramatang. A

Diputuskan, menolak rayuan penghutang penghakiman dengan kos: B

(1) Kaedah 95(1) adalah kaedah yang khusus bagi suatu permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan iaitu dengan memfailkan satu afidavit dalam tempoh tujuh hari selepas penyerahan notis kebankrapan dan afidavit ini menjadi permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan. Afidavit ini hendaklah memenuhi syarat-syarat di bawah k 94(1)(b) dan juga s 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta'). Walau bagaimanapun penghutang penghakiman tidak menyatakan bahawa beliau mempunyai tuntutan balas, tolakan dan tuntutan bersilang dalam mana-mana afidavit yang difailkan bagi menyokong permohonannya. Oleh yang demikian, afidavit beliau tidak boleh diterima sebagai afidavit di bawah k 95 (lihat perenggan 9–11); *Datuk Lim Kheng Kim v Malayan Banking Bhd* [1993] 2 MLJ 298 diikut. C D

(2) Penghutang penghakiman telah memfailkan permohonan dalam lampiran 21 dan 23 di bawah k 18. Walau bagaimanapun, lampiran 21 dan 23 telah difailkan lebih dari tujuh hari dari tarikh notis kebankrapan diserahkan kepada penghutang penghakiman. Oleh yang demikian permohonan penghutang penghakiman dalam lampiran 21 dan 23 tidak dapat menikmati perlindungan di bawah k 95(2) (lihat perenggan 16); *Re Haji Khalid bin Abdullah; ex p Danaharta Urus Sdn Bhd* [2006] 7 MLJ 427; [2007] 6 AMR 694, MT dibeza. E F

(3) Oleh kerana penghutang penghakiman gagal untuk memfailkan apa-apa afidavit di bawah k 95(1) dalam tempoh tujuh hari selepas penyerahan notis kebankrapan, maka tiada apa-apa 'stay' atau pun halangan untuk pemiutang penghakiman memasukkan petisyen pemiutang. Pemiutang penghakiman boleh memasukkan petisyen pemiutang pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan selepas berlakunya perbuatan kebankrapan. Oleh yang demikian petisyen pemiutang yang difailkan pada 9 Mac 2006 tidaklah pramatang kerana ia masih dalam takrifan enam bulan seperti diperuntukkan dalam s 5(1)(c) Akta. Mahkamah oleh itu menolak hujahan perayu bahawa perbuatan kebankrapan tidak akan dilakukan sehingga permohonan-permohonan di lampiran 21 dan 23 didengar dan diputuskan (lihat perenggan 19–20). G H I

(4) Perkataan 'within six months before the presentation of the petition' adalah bermaksud dalam tempoh enam bulan dari tarikh perbuatan kebankrapan dilakukan dan bukannya bermula dari tempoh enam bulan selepas berlakunya perbuatan kebankrapan. Oleh itu petisyen

pemiutang yang difailkan pada 8 Mac 2006 adalah dalam tempoh enam bulan dari berlakunya perbuatan kebankrapan iaitu pada 31 Disember 2005 serta ianya adalah teratur dan selaras dengan kehendak s 5(1)(c) Akta (lihat perenggan 23).

[English summary

In this instant case the judgment creditor had filed a bankruptcy notice on 5 December 2005. The bankruptcy notice was served on the judgment debtor on 23 December 2005. The judgment debtor did not file any affidavit under r 95 of the Bankruptcy Rules 1969 ('the Rules'). As such the act of bankruptcy had been committed by the judgment creditor on 31 December 2005. Further the judgment creditor filed a creditor's petition on 8 March 2006. After filing the creditor's petition the judgment debtor filed two summons in chambers ('encl 21') and ('encl 23'). Enclosure 21 was an application to dismiss the bankruptcy notice whereas encl 23 was an application to dismiss the creditor's petition. Both encls 21 and 23 had been dismissed by the learned senior assistant registrar on 2 February 2007 and 6 April 2007 respectively. No appeal was filed against the decisions/orders. Subsequently the learned senior assistant registrar heard the creditor's petition and the receiving order and an adjudication order was ordered against the judgment debtor on 12 June 2007. This appeal was filed on this order (encl 30). There were two issues to be decided in this appeal ie: (i) whether the protection under r 95(2) of the Rules was applicable to this application under r 18; and (ii) whether the creditor's petition filed in this bankruptcy action was premature.

Held, dismissing the judgment debtor's appeal with costs:

(1) Rule 95(1) is a specific rule for an application to set aside bankruptcy notice ie by filing an affidavit within seven days after the submission of the bankruptcy notice and this affidavit becomes an application to set aside the bankruptcy notice. This affidavit must fulfill the conditions under r 94(1)(b) and also s 3(1)(i) of the Bankruptcy Act 1967 ('the Act'). However the judgment debtor did not state that he had counterclaim, set off and cross-claim in any of the affidavits filed to support his application. Therefore, his affidavit could not be permitted as an affidavit under r 95 (see paras 9–11); *Datuk Lim Kheng Kim v Malayan Banking Bhd* [1993] 2 MLJ 298 followed.

(2) The judgment debtor had filed an application in encls 21 and 23 under r 18. However, encls 21 and 23 had been filed more than seven days from the date the bankruptcy notice served to the judgment debtor. Hence the judgment debtor's application in encls 21 and 23 did not

enjoy the protection under r 95(2) (see para 16); *Re Haji Khalid bin Abdullah; ex p Danaharta Urus Sdn Bhd* [2006] 7 MLJ 427; [2007] 6 AMR 694, HC distinguished.

(3) Due to his failure to file any affidavit under r 95(1) within seven days after submission of the bankruptcy notice, there was accordingly no stay or deterrence for the judgment creditor to submit the creditor's petition. The judgment creditor could submit the petition at any time within the six months of the occurrence of the bankruptcy act. As such the creditor's petition which was filed on 9 March 2006 was not premature because it was still within the six months period as provided in s 5(1)(c) of the Act. Therefore the court dismissed the appellant's contention that the bankruptcy act would not have been committed until the applications in encls 21 and 23 were heard and decided (see paras 19–20).

(4) The words 'within six months before the presentation of the petition' meant within six months of the date of the bankruptcy act committed and not commencing from six months after the bankruptcy act had occurred. As such the creditor's petition which was filed on 8 March 2006 was within six-month time frame of the occurrence of the bankruptcy act ie on 31 December 2005 and it was in sequence and in accordance with the requirements of s 5(1)(c) of the Act (see para 23).]

Nota-nota

Untuk kes permohonan untuk mengetepikan petisyen pemiutang dan notis kebankrapan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 2984.

Untuk kes-kes notis dan petisyen kebankrapan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 2844–2848.

Untuk kes-kes petisyen kebankrapan secara am, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 2722–2830.

Kes-kes yang dirujuk

Datuk Lim Kheng Kim v Malayan Banking Bhd [1993] 2 MLJ 298, MA (diikut)

Haji Khalid bin Abdullah; ex p Danaharta Urus Sdn Bhd, Re [2006] 7 MLJ 427; [2007] 6 AMR 694, MT (dibeza)

Liow Fong Mooi; ex p Malayan Banking Bhd, Re [2000] 6 MLJ 146, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kebankrapan 1967 ss 3(1)(i), 5(1)(c), 105

Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 kk 18, 94(1)(b), 94(2), 95, 95(1), 95(2)

CC Aiyathurai (CC Aiyathurai & Co) bagi pihak pemiutang penghakiman.
YS Leong (San Leong) bagi pihak penghutang penghakiman.

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Notis rayuan ini adalah difailkan oleh penghutang penghakiman yang tidak berpuashati terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 12 Jun 2007 yang telah memberikan perintah penerimaan dan penghukuman ke atas penghutang penghakiman.

[2] Dalam kes ini pemiutang penghakiman telah memfailkan notis kebankrapan pada 5 Disember 2005 iaitu lampiran 3. Notis kebankrapan ini telah diserahkan kepada penghutang penghakiman pada 23 Disember 2005.

[3] Penghutang penghakiman tidak memfailkan sebarang afidavit di bawah k 95 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah'). Maka dengan itu perbuatan kebankrapan telah dilakukan oleh penghutang penghakiman pada 31 Disember 2005.

[4] Pemiutang penghakiman seterusnya memfailkan petisyen pemiutang pada 8 Mac 2006 iaitu lampiran 10.

[5] Selepas pemfailan petisyen pemiutang ini barulah penghutang penghakiman memfailkan dua saman dalam kamar dalam lampiran 21 pada 24 Jun 2006 dan lampiran 23 iaitu pada 24 Mei 2006. Lampiran 21 adalah permohonan untuk menolak notis kebankrapan manakala lampiran 23 adalah permohonan untuk menolak petisyen pemiutang.

[6] Lampiran 21 telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar pada 2 Februari 2007 dan lampiran 23 ditolak oleh penolong kanan pendaftar pada 6 April 2007. Tidak ada sebarang rayuan difailkan terhadap kedua-dua keputusan/perintah ini.

[7] Seterusnya penolong kanan pendaftar telah mendengar petisyen pemiutang dan perintah penerimaan dan perintah penghukuman telah dibuat terhadap penghutang penghakiman pada 12 Jun 2007. Di atas perintah inilah rayuan ini telah dimasukkan (lampiran 30).

[8] Terdapat dua isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini iaitu:

(i) sama ada perlindungan di bawah k 95(2) Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 terpakai kepada permohonan di bawah k 18; dan

(ii) sama ada petisyen pemiutang yang difailkan dalam tindakan kebankrapan ini adalah pramatang (premature).

Sama ada perlindungan di bawah k 95(2) Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 terpakai kepada permohonan di bawah k 18?

[9] Kaedah 95(1) adalah kaedah yang khusus bagi suatu permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan iaitu dengan memfailkan satu afidavit dalam tempoh tujuh hari selepas penyerahan notis kebankrapan dan afidavit ini menjadi permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan. Afidavit ini hendaklah memenuhi syarat-syarat di bawah k 94(1)(b) dan juga s 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta') iaitu penghutang penghakiman hendaklah menyatakan di dalam afidavitnya bahawa beliau mempunyai 'counterclaim, set off, cross demand' yang menyamai atau melebihi amaun yang dituntut oleh pemiutang penghakiman dalam notis kebankrapan.

[10] Dalam kes sekarang ini, penghutang penghakiman tidak menyatakan bahawa beliau mempunyai 'counterclaim, set off, cross demand' dalam mana-mana afidavit yang difailkan bagi menyokong permohonannya (sama ada melalui lampiran 21 atau lampiran 23). Maka afidavit beliau tidak boleh diterima sebagai afidavit di bawah k 95.

[11] Ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Datuk Lim Kheng Kim v Malayan Banking Bhd* [1993] 2 MLJ 298 yang memutuskan bahawa:

> Held (1) The affidavit in encl 3 merely denied and disputed that the appellant was indebted to the respondent in the sum of RM2,603,913.28, but failed to disclose that he had a counterclaim, set-off or cross demand, etc against the respondent, which he is required to depose under s 3(1)(i) of the Bankruptcy Act 1967 (the Act) and provided for in Form 7. The affidavit cannot therefore operate as an application to set aside the bankruptcy notice within the contemplation of s 3(1)(i) of the Act, and the case should have been treated as no affidavit under r 95 had in fact been filed.

[12] Sekiranya permohonan di bawah k 95(1) ini tidak dapat didengar dan diputuskan dalam masa yang ditetapkan, maka pendaftar perlu melanjutkan tempoh masa tersebut. Kaedah 95(2) memperuntukkan bahawa 'no act of bankruptcy shall be deemed to have been committed' selagi permohonan tersebut belum diputuskan. Perlanjutan masa atau 'stay' seperti yang tercatit di dalam notis kebankrapan hanya berbangkit dalam situasi yang di 'envisaged' di bawah k 95(2) dan ianya hanya merujuk kepada tindakan pemfailan afidavit yang dibuat di bawah k 95(1), yang memenuhi syarat-syarat dan mematuhi kehendak-kehendak k 94(1)(b) dan s 3(1)(i) Akta. Ini bermakna perlanjutan masa atau *stay* tersebut tidak terpakai kepada

A mana-mana permohonan lain yang tidak difailkan di bawah k 95(1) dan tidak mematuhi kehendak-kehendak k 94(1)(2) dan s 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967.

B **[13]** Sesuatu perlanjutan masa atau 'stay' di bawah k 95(1) hanya layak dan sesuai diberikan jika penghutang penghakiman ada mempunyai 'counterclaim, set off' atau 'cross demand' terhadap pemiutang penghakiman sahaja. Sekiranya penghutang penghakiman berjaya dalam permohonannya kelak, ianya akan melupuskan sepenuhnya amaun tuntutan yang dibuat oleh pemiutang penghakiman. Itulah sebabnya amaun 'counter claim', 'set off' C atau 'cross demand' yang dirujuk dikehendaki supaya menyamai (equals) atau melebihi amaun yang dituntut oleh pemiutang penghakiman. Tuntutan yang dibuat oleh penghutang penghakiman di bawah k 94(1)(b) adalah tuntutan beliau sendiri terhadap pemiutang penghakiman tanpa menjejas atau mempertikaikan kesahihan tuntutan pemiutang penghakiman melalui notis D kebankrapannya.

[14] Bagi permohonan lain yang tidak dibuat di bawah k 95(1) seperti di bawah k 18, statusnya tidak sama dengan permohonan di bawah k 95(1). E Kerana itulah permohonan di bawah k 18 tiada mempunyai had masa. Oleh itu ia tidak dapat menikmati perlindungan yang terkandung di bawah k 95(2). 'It does not operate as a stay' seperti permohonan di bawah k 95(1). Ini termasuklah lain-lain permohonan yang tidak mempunyai ciri-ciri 'counterclaim', 'set off' atau 'cross demand' termasuk permohonan yang F mempertikaikan kesahihan sesuatu penghakiman.

[15] Permohonan di bawah k 18 boleh dibuat pada bila-bila masa, tidak semestinya di dalam tempoh tujuh hari selepas notis kebankrapan diserahkan. Sekiranya penghutang penghakiman berjaya dalam permohonannya, G remedinya adalah seperti yang diperuntukkan di bawah s 105 Akta Kebangkrapan, di mana mahkamah boleh membatalkan sesuatu perintah 'adjudication' yang dibuat terhadap penghutang penghakiman.

[16] Dalam kes sekarang ini di hadapan saya penghutang penghakiman H telah memfailkan permohonan dalam lampiran 21 dan 23 di bawah k 18. Beliau telah merujuk kepada kes Mahkamah Tinggi, kes *Re Haji Khalid bin Abdullah: ex p Danaharta Urus Sdn Bhd* [2006] 7 MLJ 427; [2007] 6 AMR 694 di mana pemohon tidak memfailkan afidavit di bawah k 95(1) tetapi telah memfailkan permohonan di bawah k 18. Namun demikian kes tersebut I adalah berbeza dengan kes sekarang ini kerana dalam kes tersebut saman dalam kamar berserta afidavit telah difailkan dalam masa tujuh hari dari tarikh notis kebankrapan diserahkan kepada penghutang penghakiman dan mahkamah mengandaikan afidavit tersebut seolah-olah telah difailkan di bawah k 95(1). Sebaliknya dalam kes di hadapan saya sekarang ini, saman

dalam kamar dalam lampiran 21 dan 23 telah difailkan lebih dari tujuh hari dari tarikh notis kebankrapan diserahkan kepada penghutang penghakiman. Oleh yang demikian permohonan penghutang penghakiman dalam lampiran 21 dan 23 tidak dapat menikmati perlindungan di bawah k 95(2).

Sama ada petisyen pemiutang yang difailkan dalam tindakan kebankrapan ini adalah pramatang

[17] Penghutang penghakiman berhujah bahawa pemiutang penghakiman hanya boleh memfailkan petisyen pemiutang selepas enam bulan dari tarikh 2 Februari 2007 iaitu tarikh lampiran 21 didengar dan ditolak oleh penolong kanan pendaftar yang bijaksana atau selepas enam bulan dari tarikh 6 April 2007 iaitu tarikh lampiran 23 didengar dan ditolak oleh penolong kanan pendaftar yang bijaksana. Dengan itu penghutang penghakiman mendakwa bahawa petisyen pemiutang yang difailkan pada 9 Mac 2006 dalam lampiran 10 adalah pramatang kerana ianya difailkan kurang dari enam bulan dari tarikh penolakan/keputusan kedua-dua lampiran 21 atau lampiran 23.

[18] Walau bagaimanapun saya mendapati bahawa dalam kes ini perbuatan kebankrapan telah dilakukan pada 31 Disember 2005. Oleh kerana penghutang penghakiman gagal untuk memfailkan apa-apa afidavit di bawah k 95(1) dalam tempoh tujuh hari selepas penyerahan notis kebankrapan (lampiran 3), maka tiada apa-apa 'stay' atau pun halangan untuk pemiutang penghakiman memasukkan petisyen pemiutang pada 8 Mac 2006 atau selepas tarikh 31 Disember 2005.

[19] Ini adalah kerana atas alasan-alasan seperti yang dijelaskan dalam perenggan terdahulu, kedua-dua saman dalam kamar penghutang penghakiman dalam lampiran 21 dan 23 tidak boleh menghalang atau 'operate' untuk menghalang (operate as a stay) berlakunya perbuatan kebankrapan seperti mana afidavit yang difailkan di bawah k 95(1). Perihal bahawa penghutang penghakiman telah melakukan perbuatan kebankrapan pada 31 Disember 2005 tidak pernah dipertikaikan oleh penghutang penghakiman sendiri. Maka pemiutang penghakiman tidak perlu menunggu lampiran 21 atau lampiran 23 didengar dan diputuskan sebelum beliau boleh memasukkan petisyen pemiutangnya. Sebaliknya pemiutang penghakiman boleh memasukkan petisyen pemiutang pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan selepas berlakunya perbuatan kebankrapan pada 31 Disember 2005.

[20] Oleh yang demikian petisyen pemiutang yang difailkan pada 9 Mac 2006 tidaklah pramatang. Ia masih dalam takrifan enam bulan seperti diperuntukkan dalam s 5(1)(c) Akta. Dengan itu saya menolak hujahan

peguambela perayu yang bijaksana bahawa perbuatan kebankrapan tidak akan dilakukan sehingga permohonan-permohonan tersebut (lampiran 21 dan 23) didengar dan diputuskan.

[21] Berkenaan takrifan kepada s 5(1)(c) Akta iaitu 'the act of bankruptcy on which the petition is grounded has occurred within six months before the presentation of the petition', penghutang penghakiman berhujah bahawa ianya bermaksud selepas enam bulan dari tarikh perbuatan kebankrapan. Walau bagaimanapun saya tidak bersependapat dengan takrifan ini.

[22] Dalam kes *Re Liow Fong Mooi; ex p Malayan Banking Bhd* [2000] 6 MLJ 146 antara isu yang dibangkitkan adalah 'petition was presented more than six months after the date of the act of bankruptcy relied upon'. Dalam kes tersebut, mahkamah membenarkan permohonan pemiutang penghakiman meminda tarikh perbuatan kebankrapan dalam petisyen pemiutang dari 27 November 1996 kepada 19 Ogos 1997 iaitu tarikh permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan ditolak mahkamah. Seterusnya mahkamah dalam kes tersebut memutuskan petisyen yang difailkan pada 11 Disember 1997 iaitu lebih kurang empat bulan dari tarikh 19 Ogos 1997 adalah di dalam masa enam bulan dari tarikh perbuatan kebankrapan.

[23] Oleh yang demikian perkataan 'within six months before the presentation of the petition' adalah bermaksud dalam tempoh enam bulan dari tarikh perbuatan kebankrapan dilakukan dan bukannya bermula dari tempoh enam bulan selepas berlakunya perbuatan kebankrapan. Sekiranya begitu tafsirannya, notis kebankrapan tersebut sudah tamat tempoh hayatnya. Maka petisyen pemiutang dalam kes sekarang ini yang difailkan pada 8 Mac 2006 adalah dalam tempoh enam bulan dari berlakunya perbuatan kebankrapan iaitu pada 31 Disember 2005 dan ianya adalah teratur dan selaras dengan kehendak s 5(1)(c) Akta Kebankrapan 1967.

[24] Berdasarkan alasan-alasan tersebut di atas saya menolak rayuan penghutang penghakiman dalam lampiran 30 dengan kos.

Rayuan penghutang penghakiman ditolak dengan kos.

Reported by Zalmanizam Mahadi